

Isu permit import (AP) kereta

Ekoran penyelewengan sebilangan pemegang AP kereta

Negara rugi RM1b setahun



POLEMIK mengenai AP begitu 'panas' sekali tambahan pula kebanyakan keadaan ia melibatkan beberapa kenyataan terbuka antara Penasihat Proton Holdings Berhad, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ia bermula dengan rasa tidak puas hati Dr. Mahathir berikutan 'kebanjiran' kereta import yang dilihat telah menjejaskan industri automotif tempatan dan tambah memanas keadaan apabila bekas Perdana Menteri itu mengaitkan situasi itu dengan pengeluaran AP yang banyak.

Bagaimanapun Rafidah selaku menteri yang berkenaan menjelaskan keadaan sebenar selepas itu dan menolak dakwaan Dr. Mahathir tetapi isu tersebut tidak berakhir di situ apabila tidak lama selepas itu Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff mengkritik dasar kerajaan secara terbuka dalam sebuah akhbar berbahasa Cina.

Kabinet campur tangan dengan mengarahkan supaya Rafidah membuat penjelasan secara bertulis kepada Dr. Mahathir yang kemudian Perdana Menteri menyifatkannya ia sebagai telah selesai.

Namun, isi kandungan surat itu yang sehingga kini masih lagi menjadi rahsia umum.

Kronologi

26 Mei • Isu AP mula terdetik apabila media melaporkan kenyataan Dr. Mahathir yang berpendapat kemasukan kereta import di negara ini dibuat tanpa kawalan hingga boleh dikatakan apa sahaja kereta luar akan dapat dilihat di Malaysia.

27 Mei • Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam reaksinya kepada pandangan Dr. Mahathir telah meminta Proton meningkatkan daya saing mereka bagi menghadapi pasaran yang semakin mencabar.

28 Mei • Rafidah menafikan kenyataan Dr. Mahathir bahawa kementerannya membenarkan import kereta tanpa kawalan sebaliknya akan tetap mengambil berat kepentingan industri

automotif nasional.

30 Mei • Dr. Mahathir mengesyorkan supaya senarai nama pemegang AP didedahkan secara terperinci kepada umum kerana ada dakwaan terdapat pengeluaran AP yang tidak adil dan pemegangnya membawa masuk terlalu banyak kereta hingga mengancam industri automotif nasional.

• Dr. Mahathir dalam masa yang sama juga jelas bimbang dengan pengeluaran AP yang disifatkan sebagai terlalu banyak.

• Rafidah menjawab syor Dr. Mahathir dengan menegaskan adalah menjadi dasar kerajaan sejak sebelum ini lagi untuk tidak mendedahkan senarai nama pemegang AP. Bagaimanapun, kata Rafidah, sekiranya Dr. Mahathir mahu mendapatkan senarai nama pemegang AP, beliau akan mengemukakan secara peribadi kepada bekas Perdana Menteri itu termasuk salah seorang anak Dr. Mahathir yang menjadi penerima AP.

• Rafidah dalam masa yang sama menjelaskan Proton sebenarnya tidak boleh bertahan sekiranya sistem AP, yang diperlukan bagi membolehkan pemegangnya mengimport kenderaan dari luar negara, dihapuskan sama sekali.

1 Jun • Perdana Menteri menegaskan dasar tidak mendedahkan AP akan diteruskan.

• *Utusan Malaysia* melaporkan sumber industri menganggarkan negara mengalami kerugian kira-kira RM1 bilion setahun ekoran penyelewengan oleh sebilangan pemegang AP. Caranya dengan mengisytiharkan harga tiba (*landed price*) kereta, jauh lebih rendah daripada sepatutnya, menyebabkan kerajaan kehilangan hasil yang besar daripada cukai import. Apa yang berlaku sekarang ialah, pemilik AP, misalnya akan mengisytiharkan harga kereta yang diimport sepatutnya RM18,000 sebuah tetapi dinyatakan hanya RM11,000.

2 Jun • Kastam Diraja Malaysia (KDRM) sedang melaksanakan beberapa pendekatan baru bagi memastikan kerajaan tidak kerugian akibat pengisytiharan harga tiba kenderaan siap dipasang (CBU) yang terlalu rendah oleh pemegang AP.

8 Jun • Dr. Mahathir berkata, beliau menerima pendirian kerajaan tidak mendedahkan pemilik AP kerana ia adalah satu polisi. Bagaimanapun, beliau berkata: "Walaupun nama orang lain tak diumumkan, tapi nama anak saya ada (diumumkan) sebab dia anak saya."

Um - 16/7/2005
9 Jun • Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sebenarnya hanya membenarkan pengimportan kereta yang mempunyai kapasiti enjin besar kerana kerajaan tidak mahu kereta luar negara yang diimport bersaing dengan kereta nasional, Proton.

27 Jun • Tengku Mahaleel dalam temu ramah dengan akhbar berbahasa Cina, *Oriental Daily* mendakwa dasar automotif nasional yang tidak jelas dikhuatiri memberi kesan kepada pasaran kereta nasional itu.

28 Jun • Rafidah menjawab dakwaan Tengku Mahaleel dengan membidas Proton kerana gagal bersaing dengan pengeluar kereta lain meskipun persaingan yang dihadapinya begitu kecil sambil menyifatkannya sebagai 'sesuatu yang tidak kena', dan mahu Proton menilai semula kelemahannya serta menghentikan amalan menyalahkan orang lain atas masalah yang dihadapinya.

30 Jun • Media berdasarkan sumber industri melaporkan Tengku Mahaleel dipercayai diberi surat tunjuk sebab oleh Lembaga Pengarah Proton berikutan kenyataannya dalam sebuah akhbar tempatan yang mengkritik dasar kerajaan.

1 Julai • Perdana Menteri berkata, mesyuarat Khazanah Nasional semalam tidak membincangkan isu pemberian surat tunjuk sebab kepada Tengku Mahaleel kerana itu adalah urusan Lembaga Pengarah Proton.

4 Julai • Dr. Mahathir mengadakan pertemuan khas dengan Pengerusi Proton, Datuk Azlan Hashim selama sejam 15 minit di Putrajaya dan memanggil sidang akhbar keesokannya.

5 Julai • Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menjelaskan di Parlimen tidak ada misteri, skandal atau perkara yang tidak kena untuk disembunyikan dalam dasar-dasar berhubung pemberian AP ini kerana syarat-syarat kelulusan AP adalah telus dan objektif serta dikendalikan oleh jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu.

• Dr. Mahathir terus mempertahankan Tengku Mahaleel yang dianggapnya berhak melindungi syarikat pembuat kereta nasional itu daripada terus dikritik dan apa yang dinyatakan oleh beliau sebagai wajar.

• Dr. Mahathir dalam sidang akhbar yang sama juga memberitahu beliau telah beberapa kali meminta Rafidah untuk memeriksa mengenai perbuatan penipuan perisytiharan harga oleh kereta-kereta Korea Selatan sejak semasa beliau menjadi Perdana Menteri dan terkini, tiga bulan lepas.

• Dr. Mahathir mendedahkan terdapat ketidakseimbangan dalam pemberian AP pada tahun lepas kerana sebahagian besar daripadanya

diberikan kepada segelintir syarikat sahaja kerana berdasarkan maklumat yang diperolehnya, daripada 67,000 AP yang diluluskan oleh kerajaan, kira-kira 54,000 atau 81 peratus diberikan kepada 21 buah syarikat. Hanya sebilangan kecil daripada AP tersebut, iaitu baki sebanyak 12,600 AP lagi, yang dibahagi-bahagikan untuk dikongsi oleh 82 buah syarikat lain.

• Dr. Mahathir turut mendedahkan bahawa keputusan untuk memberikan Naza Ria status kereta nasional adalah dibuat oleh Rafidah selaku menteri yang bertanggungjawab dan selepas mengetahui mengenai kandungan tempatan yang hanya berjumlah 18 peratus selepas melancarkannya, Kabinet, kata Mahathir, pada masa itu tidak boleh lagi untuk menarik balik status kereta nasional sebaliknya berharap agar Naza Ria meningkatkan kandungan tempatan kepada 50 peratus.

6 Julai • Rafidah enggan memberikan sebarang ulasan berhubung kenyataan Dr. Mahathir termasuk tindakan bekas Perdana Menteri itu mempertahankan Tengku Mahaleel.

• Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema) mendakwa jumlah kereta yang diimport melalui AP adalah jauh lebih tinggi berbanding yang didakwa oleh Kementerian iaitu hanya 10 peratus daripada pengeluaran tempatan. Mereka juga khuatir penguasaan pasaran kereta Proton akan terus merosot jika kerajaan tidak mengambil langkah menghadkan kemasukan kereta import khususnya dari Korea Selatan.

7 Julai • Perdana Menteri memaklumkan Kabinet telah mengarahkan supaya Rafidah menjawab secara bertulis kepada Dr. Mahathir berhubung isu AP dan Proton.

• Rafidah bersetuju untuk membuat penjelasan bertulis kepada Dr. Mahathir.

• Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mah Siew Keong menjelaskan di Dewan Rakyat bahawa ia mengeluarkan sejumlah 51,713 AP tahun lepas, bukan 67,000 AP seperti yang dikatakan oleh Dr. Mahathir.

8 Julai • Rafidah telah menyerahkan surat penjelasan berhubung isu Proton dan AP kepada Dr. Mahathir seperti yang diarah Kabinet.

• Dr. Mahathir bercuti.

9 Julai • Perdana Menteri menganggap isu pertikaian antara Dr. Mahathir Mohamad selaku Penasihat Proton dengan Rafidah Aziz telah selesai selepas Rafidah menghantar surat penjelasan kepada bekas Perdana Menteri itu.

• Rafidah mula bercuti.